

## **Soalan Anwar Mempermainkan Ulama- Video Disertakan**

19/03/2010 07:56 by beruangsakti

Video fatwa mutakhir Yusuf Al-Qardawi berhubung konspirasi terhadap manusia munafik ini sekarang tersebar luas hasil usaha Si Pendek AMK Shamsul Iskandar. Petang tadi video tersebut sampai ke tangan aku untuk aku hayati dan ulas apakah sebenar isi kandungannya.

Dari video tersebut, terjemahan daripada Abdul Ghani Shamsuddin, aku tak pasti siapa beliau adakah seorang ahli agama yang baik, pentafsir yang bagus mahupun penterjemah yang diiktiraf. Mengikut terjemahan beliau soalan yang ditanya adalah:

**BOLEH TOLONG JELASKAN PERTUDUHAN FITNAH TERHADAP SAUDARA ANWAR IBRAHIM SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH SESETENGAH PIHAK TANPA BUKTI DAN SAKSI. JADI APAKAH PANDANGAN SYARAK MENGENAI HAL INI.**

Terdapat 2 3 ayat yang agak mengelirukan diantara soalan tersebut iaitu dinyatakan bahawa Pertuduhan Fitnah dan juga Tanpa Bukti dan Saksi. Apa yang kita tau manusia munafik ini diberi petuduhan liwat dimahkamah. Apakah dikatakan fitnah jika pengadu sanggup bersumpah dan dimasa yang sama beliau mengemukakan bukti2 di mahkamah dalam mengaitkan kesalahan Anwar terhadap beliau.

Apa yang jelas disini, Yusuf Al- Qaradawi tidak diberi informasi yang betul dan juga tahap soalan yang diberikan hanyalah berbentuk meminta pandang daripada beliau. Kenapa mesti diberi tajuk FATWA MUTAKHIR. Adakah setiap kata tutur ulama ini walaupun dalam bentuk nasihat mahupun pandangan akan dikira sebagai FATWA. Siapakah yang mengiktiraf bahawa jawapan daripada Yusuf Al Qaradawi ini sebagai FATWA. Daripada video yang aku tengok, bentuk jawapan beliau hanyalah sekadar memberi pendapat atas soalan yang berpaksikan kepada pertuduhan fitnah tanpa bukti dan saksi walhal dalam kes Anwar terdapat bukti dan saksi.

Di Malaysia, setiap fatwa haruslah melalui perbincangan Muzakarah Majlis Fatwa Malaysia yang ahli2nya terdiri daripada mufti2 yang diiktiraf. [Klik Disini](#) berkenaan dengan persoalan APA ITU FATWA.

Ulasan lain. [Klik Disini](#).